



Program Bantuan Khidmat Nasihat Pengeluaran Bersih Kepada Industri Kecil dan Sederhana



Unit Industri Hijau
Jabatan Alam Sekitar

Program Bantuan Khidmat Nasihat Pengeluaran Bersih

Pengenalan

- Bantuan Khidmat Nasihat Pengeluaran Bersih atau *Cleaner Production (CP) Technical Assistance* adalah salah satu program Jabatan Alam Sekitar di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10).
- Bermula pada tahun 2009 dan dilaksanakan bersama perunding, Pusat Penyelidikan Tenaga Diperbaharui, SIRIM Malaysia Berhad.
- Merupakan satu galakan dan sokongan Kerajaan bagi mendapatkan komitmen pihak industri dalam mencegah dan mengawal pencemaran di samping pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.
- Program Bantuan Khidmat Nasihat Pengeluaran Bersih ini adalah PERCUMA.
- Bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan semua pihak berkepentingan tentang konsep Pengeluaran Bersih yang sangat penting untuk pembangunan ekonomi negara dan persekitaran lestari.
- Sehingga tahun 2012, lebih daripada 150 buah premis IKS telah diberi Bantuan Khidmat Nasihat Pengeluaran Bersih dan dari jumlah tersebut 30 buah premis dipilih untuk Bantuan Khidmat Nasihat Pengeluaran Bersih Secara Terperinci.
- Pada masa hadapan, program ini akan dikembangkan kepada semua sektor industri.

Golongan Sasaran


Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Objektif Program

Objektif program adalah merentasi banyak sektor seperti proses dan teknologi, alam sekeliling, keselamatan dan kesihatan.

- Meningkatkan pematuhan IKS terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.
- Meningkatkan pelaksanaan amalan Pengeluaran Bersih di dalam aktiviti IKS.
- Meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos operasi.
- Mengurangkan penggunaan tenaga dan sumber bahan mentah.
- Mengurangkan penghasilan sisa buangan.
- Mengatasi/mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar.
- Mengurangkan kesan karbon.
- Menangani isu perubahan iklim dan pemanasan global.

Langkah Pelaksanaan



Faedah-Faedah CP

Dengan melaksanakan amalan CP, IKS memperoleh banyak faedah di antaranya:-

- Meningkatkan daya pengeluaran syarikat.
- Meningkatkan ekonomi dan pendapatan syarikat.
- Melahirkan IKS yang berdaya saing.
- Meningkatkan imej syarikat.
- Membantu meningkatkan kualiti alam sekitar secara berterusan.
- Menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan selamat.
- Mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja.



Lawatan Audit CP



Langkah mengurangkan sisa buangan akan dikenal pasti melalui penjaanaan opsyen.



Opsyen CP bagi mengurangkan penggunaan sumber tenaga elektrik, air dan bahan akan disyorkan kepada kilang.

Maklumat yang diperolehi semasa audit akan **dirahsiakan** dan sebarang penerbitan adalah dengan kebenaran pihak syarikat.



Bagi IKS yang berminat menyertai Program Bantuan Khidmat Nasihat Pengeluaran Bersih, sila hubungi:

Unit Industri Hijau
Jabatan Alam Sekitar
Aras 4, Podium 2, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 Putrajaya
Tel : 03-8871 2000
Faks : 03-8881 0920

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Unit Industri Hijau di:

cp.doe.gov.my/givc